



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	1/5/2021	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	TNB			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Pelanggan TNB nikmati manfaat kos permohonan bekalan

PETALING JAYA: Pelanggan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kini menikmati manfaat kos permohonan bekalan elektrik yang lebih rendah berikutan penambahbaikan terma dan syarat Caj Sambungan Pengguna (CSP) dan Caj Sambungan Beban (CSB) yang dituluskan kerajaan bermula 15 Januari lalu.

Menurut TNB, semua pelanggan yang memohon bekalan elektrik adalah tertakluk kepada bayaran CSP sebagai satu komitmen

bagi penyediaan infrastruktur bekalan elektrik yang diperlukan.

Katanya, CSB pula terpakai kepada pelanggan kuasa besar LPC yang mendapat bekalan melalui Voltan Sederhana (6.6 kV <math>\leq V < 132kV</math>) dan Voltan Tinggi (> 132kV), bagi mengelakkan Kehendak Maksimum (KM) diisytihar secara berlebihan oleh pengguna semasa permohonan berbanding beban sebenar yang diperlukan.

Jelasnya, pengisytiharan KM

Utusan Malaysia - Ekonomi 1/5/2021 m/s 37
yang berlebihan akan menyebabkan pembaziran kapasiti penajaan serta peningkatan kos penajaan dan penghantaran yang perlu ditanggung oleh pengguna lain.

"Bagi pengguna kediaman, pelanggan yang memohon bekalan elektrik baharu secara individu hanya dicalai berdasarkan beban yang dipohon sahaja. Tada caj tambahan dikenakan bagi penambungan bekalan sehingga 200 tiang pertama atau enam kilometer, bersamaan dengan penjinj-

tan sehingga RM39,400.

"Bagi penambungan melebihi 200 tiang atau enam kilometer pula, pelanggan perlu membayar caj berdasarkan beban yang dipohon dan kos kabel yang diperlukan untuk jarak melebihi enam kilometer sahaja, mengikut harga ditetapkan," katanya dalam kenyataan.

TNB berkata, selain itu, bagi permohonan bekalan elektrik yang memerlukan pembinaan pencawang, caj 50 peratus bagi

kos pembinaan pencawang baharu yang dikenakan sebelum ini telahpun dimansuhkan.

"Bagi sebarang keperluan atau caj yang dikenakan oleh pihak ketiga seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan dan lain-lain (sekitarnya ada) kepada TNB dan atau permintaan atau keperluan khas pengguna yang melibatkan skop kerja dan pepasangan tambahan di luar spesifikasi biasa TNB, caj ini adalah dikekalkan," katanya.